

TERAS

pendaftar.utem.edu.my/buletin-myteras.html



Majlis

Konvokesyen UTeM Kali Ke-17

Konvensyen

Kumpulan Inovatif dan Kreatif
Kali Ke-6 Peringkat UTeM

Merentasi Benua
Mengikat Ikatan Ukhwah

Program *Retreat*
Lembaga Pengarah UTeM

Kandungan

Perpindahan
Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)
Pejabat Pendaftaran
Ke Bangunan Baharu
KOMPLEKS DEWAN KULIAH

4

Program
AMALAN HIDUP SIHAT
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
2022

5

Majlis
KONVOKESYEN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
KALI KE - 17

6

Raya-Raya
Pendaftaran 2022

9

Konvensyen
KUMPULAN INOVATIF DAN
KREATIF (KIK)
Kali Ke-6
PERINGKAT UTeM

11

Konvensyen
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
Peringkat Universiti Awam Kali Ke-16
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

16

Program
RETREAT
Lembaga Pengarah UTeM
TAHUN 2022

18

Merentas BENUA
MENGIKAT IKATAN UKHWAH

19

Perjalanan PhD
Pasca Covid - 19

21

UTeM PROSES PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
STAF UTeM BAGI TAHUN 2022

24

UTeM PEMBERIAN AWAL AWARD
Wang Tunai
GANTIAN CUTI REHAT
(GCR)

25

UTeM TATACARA PERMOHONAN KURSUS/LATIHAN
ANJURAN LUAR (Bersamula/Dalam Talian)
Penyerlaan Kursus Staf (Secara Permohonan)

26

UTeM TATACARA PERMOHONAN KURSUS/LATIHAN
ANJURAN DALAM (Bersamula/Dalam Talian)
Penyerlaan Kursus Staf (Secara Permohonan)

27



KEUTAMAAN
Memberi Salam

DAN ADAB-ADABNYA

28

Sidang Redaksi

PENAUNG

Masdzarif bin Mahat

KETUA EDITOR

Siti Norani binti Dolah

EDITOR

Zulaikha binti Md Radzai

PEMBACA PRUF

Elfa Laily binti Mohd Tahir @
Mohd Ramli

SIDANG REDAKSI

Ani binti Jaffri
Nurayuni binti Mahabib
Anuarrudin bin Md Soom
Sharifah Intan binti Osman
Mohd Suhairi bin Mohd Saad
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

PENULIS

Murni binti Abu
Khusairi bin Ramli
Erfa Fatin binti Bachik
Hairulizan binti Yacob
Dr. Hasrizal bin Bohari
Mohd Nizam bin Mazlan
Zulaikha binti Md Radzai
Siti Fairus binti Abu Bakar
Laila Zahidah binti A. Rahman
Mohamad Razali bin Adduman
Norhidayah binti Mohd Zainudin

REKA BENTUK

Ratnasraerah binti Azis

Sekapur Sireh

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan Buletin TERAS Edisi Ke-31/Nov 2022. Tahniah saya ucapkan kepada warga sidang redaksi Buletin TERAS kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran tahun ini.

Menjadi hasrat pejabat ini untuk memastikan keperluan perkhidmatan staf universiti dapat dipenuhi. Pejabat Pendaftar turut menyalurkan maklumat yang diperlukan melalui Buletin TERAS selain Laman Web Pejabat Pendaftar. Harapan saya semoga Buletin TERAS dapat memenuhi keperluan maklumat semua pihak khususnya kepada staf Universiti.

Buletin TERAS turut diterbitkan bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada seluruh warga Universiti khususnya berhubung pelaksanaan aktiviti. Program dan maklumat pentadbiran dan perkhidmatan bagi bacaan dan

perkongsian ilmu kepada semua pihak. Penerbitan Buletin TERAS juga selaras dengan keperluan untuk menyediakan keberkesanan perkhidmatan serta berkualiti bagi memastikan pemantapan tadbir urus Universiti. Selain itu, saya turut menghargai dan mengalu-alukan semua pihak untuk memberikan maklum balas agar budaya penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan dapat direalisasikan.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik dan terus cemerlang dalam meningkatkan tahap kualiti pengurusan tadbir urus bagi memenuhi kepuasan pemegang taruh. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi TERAS. Kepada pembaca Buletin ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

Masdzarif bin Mahat

Ketua Pegawai Operasi

Editorial

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya Buletin TERAS Edisi Ke-31/Nov 2022 berjaya dihasilkan. Ia bukan sesuatu yang mudah, memerlukan iltizam serta menuntut komitmen yang tinggi untuk menghasilkannya. Seringkali terganggu dek tuntutan tugas hakiki yang tak pernah putus-putus menjengah dan menuntut disegerakan, namun, demi merealisasikannya digagahkan juga keringat ini untuk menjayakannya.

Izinkan saya panjangkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan Buletin TERAS. Buletin yang menyajikan pelbagai perkongsian aktiviti Pejabat Pendaftar ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua yang telah menyumbang pelbagai artikel dan pengalaman yang diilhamkan serta disalurkan melalui ruang ini.

Buletin ini merupakan satu medium untuk semua staf Pejabat Pendaftar menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan khususnya tentang pelaksanaan program/ aktiviti yang memberikan maklumat berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan terkini bagi santapan dan perkongsian ilmu kepada semua warga UTaM.

Akhir kata penyimpul bicara, besarlah harapan saya agar Buletin TERAS dapat memberi manfaat untuk semua pembaca. Berjumpa lagi dikeluarkan akan datang dengan paparan yang lebih menarik dan semoga lebih ramai yang akan tampil untuk menyumbangkan karya.

Sekian, terima kasih.

Siti Norani binti Dolah

Ketua Editor

Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

Perpindahan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) Pejabat Pendaftar Ke Bangunan Baharu

KOMPLEKS DEWAN KULIAH

BPA, Pejabat Pendaftar telah berpindah ke bangunan baharu mulai Januari 2022 dan telah mula beroperasi sepenuhnya di bangunan baharu Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Induk UTeM. Kompleks Dewan Kuliah ini terletak bersebelahan dengan Dewan Canselor UTeM.



Kompleks Dewan Kuliah dibina seiring dengan peningkatan enrolmen pelajar pada setiap sesi kemasukan akademik pelajar baharu ke universiti. Perancangan pembangunan dan fasiliti UTeM yang strategik dan holistik turut memastikan kemudahan yang disediakan dapat memberi keselesaan dan melengkapi, sekaligus menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang serba kondusif.

Terdapat lapan (8) Dewan Kuliah di mana dua (2) unit dewan kuliah jenis bertingkat

dan dua (2) unit dewan kuliah jenis rata yang mana setiap satunya berkapasiti 300 orang.

Di samping itu juga terdapat empat (4) unit dewan kuliah jenis rata yang berkapasiti 150 orang dan dua (2) unit lagi bilik bacaan pelajar beserta infrastruktur sokongan. Sementara itu, di bahagian ruang pejabat Pentadbiran BPA di Aras Dua (2) juga menempatkan seramai 19 orang staf yang telah memulakan operasi pentadbirannya sejak Januari lagi. Di pejabat pentadbiran juga terdapat satu bilik mesyuarat yang boleh menempatkan seramai 25

orang ahli mesyuarat. Tempahan Dewan Kuliah terbuka kepada semua staf akademik dan staf pentadbiran universiti.

Bagi yang ingin membuat tempahan Dewan Kuliah dan Bilik Mesyuarat BPA, tempahan boleh dibuat melalui:

 <https://rbs.utem.edu.my>

 bpa@utem.edu.my

 06-270 1990

Disediakan oleh: 
Siti Fairus binti Abu Bakar

Program AMALAN HIDUP SIHAT Universiti Teknikal Malaysia Melaka

2022

MAJLIS PELANCARAN AMALAN HIDUP SIHAT UTeM

Sekitar Majlis Pelancaran Amalan Hidup Sihat UTeM yang dilancarkan pada 10 Januari 2022 (Dewan Sukan UTeM) dan telah dirasmikan oleh Prof. Ir. Dr. Ghazali bin Omar (Menjalankan fungsi Naib Canselor)



Majlis KONVOKESYEN Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KALI KE - 17

Majlis Konvokesyen ke-17 UTeM telah dilaksanakan pada 14 - 17 Mac 2022 selama 4 hari dengan 8 sesi penganugerahan. Majlis yang penuh istiadat ini telah dirasmikan oleh Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pro-Canselor UTeM Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad dan Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar. Majlis ini turut disertai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang baharu iaitu YBhg. Datuk Seri Dr. Haji Hasim bin Hasan, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Senat dan Pengurusan Tertinggi Universiti.

Majlis Konvokesyen kali ini turut menganugerahkan Profesor Emeritus kepada YBhg. Datuk Ismail bin Hassan. Selain itu, terdapat juga seorang penerima ijazah secara aegrotat dan tiga penerima ijazah secara anumerta.

Majlis Konvokesyen kali ini merupakan kali kedua dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan bagi mengawal penularan wabak COVID-19.



Berikut adalah senarai graduan Majlis Konvokesyen ke-17 UTeM:

	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	DEng	JUMLAH
FKE	103	279	29	6	0	417
FKEKK	87	181	24	10	1	303
FKM	84	277	29	5	0	394
FKP	76	199	40	9	1	325
FTMK	143	490	35	21	0	689
FPTT	0	364	45	4	0	404
FTKEE	0	394	0	0	0	394
FTKMP	0	341	0	0	0	341
IPTK	0	0	0	6	0	8
JUMLAH:	493	2525	194	61	2	3275
	3018		257			

Penerima Anugerah Profesor Emeritus:



YBhg. Datuk Ismail bin Hassan

Tempoh perkhidmatan di UTeM:

1 Januari 2001 - 16 Jun 2010 (9 tahun 6 bulan)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)

Sumbangan:

Timbalan Rektor Akademik KUTKM (2001 - 2004)
(3 tahun)

Rektor ke-2 KUTKM (2004 - 2007) (3 tahun)
Naib Canselor Pertama UTeM (2007 - 2008)
(1 tahun)

Pencapaian:

Ahli Jawatankuasa Teknikal Pemilihan Cadangan
Pelan Induk KUTKM

Ahli Jawatankuasa Teknikal SIRIM

Ahli Jawatankuasa Penasihat Kurikulum dan Silibus
Kejuruteraan Elektrik Kuasa ITM

Penyelidikan: Solutions of Electromagnetic Fields,
Hydrothermal Plant Optimization, Power System
Stability Studies Using Micromachine Set" dan
Development of LV and HV HRC fuse

Perundingan: 500 kV Transmission System
Development dan Liwagu 275 kV Transmission
System Development

30 penerbitan berimpak (sehingga 2004)

Berikut adalah senarai penerima Ijazah Secara Aegrotat dan Anumerta. Penganugerahan ijazah secara Aegrotat kepada pelajar adalah kerana pelajar tidak dapat menamatkan pengajian atas kehilangan keupayaan secara kekal sewaktu pengajian manakala penganugerahan ijazah secara Anumerta kerana pelajar meninggal dunia sewaktu pengajian.

Ijazah Doktor Falsafah
Secara Aegrotat

Nama: Sriyanto

Negara Asal: Indonesia

Penyelia: Profesor Datuk Ts.

Dr. Shahrin bin Shahib

Fakulti: Fakulti Teknologi

Maklumat dan Komunikasi

Ijazah Sarjana Muda
Kejuruteraan Elektrik Secara
Anumerta

Nama: Tan Cheng Kwang

Negara Asal: Selangor

Penyelia: Profesor Madya Ts.

Dr. Mohd Luqman bin Mohd
Jamil

Fakulti : Fakulti Kejuruteraan
Elektrik

Ijazah Sarjana Muda Sains
Komputer Secara Anumerta

Nama: Allahyarham

Mohamad Farhan Asraf bin
Taharin

Negara Asal: Negeri Sembilan

Fakulti: Fakulti Teknologi

Maklumat dan Komunikasi

Nama: Mendiang Soh Javid

Negara Asal: Johor

Fakulti : Fakulti Teknologi

Maklumat dan Komunikasi

Berikut adalah bilangan penerima Hadiah Akademik Majlis Konvokesyen ke-17 UTeM:

Hadiah Akademik	Bilangan
Anugerah Pelajaran Diraja	2
Hadiah Canselor	3
Hadiah Pro Canselor	1
Hadiah Naib Canselor	36
Hadiah Naib Canselor (Keusahawanan)	1
Hadiah Tesis Terbaik	2
Hadiah Industri	8
Anugerah Kecemerlangan Infineon / Infineon Excellence Award	1
Anugerah Industri Infineon / Infineon Industry Award	1
Anugerah Kecemerlangan Xinyi/ Xinyi Excellence Award	1
Anugerah Industri Xinyi/ Xinyi Industry Award	1
Anugerah Industri Samsung SDIEM / Samsung SDIEM Industry Award	1
Anugerah Industri STMicroelectronics / STMicroelectronics Industry Award	1
Anugerah Khas Huffaz Profesional	1
Anugerah Khas Tuah	1

SESI PENGAMBILAN JUBAH

Proses pengambilan jubah telah dilaksanakan secara *drive thru* di Dewan Canselor pada 3 hingga 6 Mac 2022.

Tarikh	Sesi	Masa	Fakulti
03/03/2022 (Khamis)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FKM
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FKP/IPTK
04/03/2022 (Jumaat)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FKE
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FKEKK
05/03/2022 (Sabtu)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FTMK
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FPTT
06/03/2022 (Ahad)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FTKEE
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FTKMP



Disediakan oleh:
Erfa Fatin binti Bachik

Raya-Raya Pendaftaran 2022





Konvensyen KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) Kali Ke-6

PERINGKAT UTeM

Konvensyen KIK peringkat UTeM kali ke-6 telah diadakan pada 11 Ogos 2022 bertempat di Auditorium Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Kampus Induk, UTeM. Konvensyen KIK kali ini melibatkan penyertaan daripada lapan (8) kumpulan KIK daripada tujuh (7) Pusat Tanggungjawab iaitu:

- 1 Kumpulan **The Fame Game** dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- 2 Kumpulan **Axel** dari Pejabat Bendahari
- 3 Kumpulan **OMS!FKEKK** dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
- 4 Kumpulan **Think Big** dari Pejabat Pendaftar
- 5 Kumpulan **BRAVE TO CHANGE** dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- 6 Kumpulan **PLH VARIANT** dari Perpustakaan Laman Hikmah
- 7 Kumpulan **Go-SaVE** dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- 8 Kumpulan **SmartSoul** dari Pejabat Pendaftar



Penganjuran Konvensyen KIK adalah bertujuan untuk mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan disamping menyokong hasrat universiti untuk mengoptimumkan sumber sedia ada dan turut menyokong dasar penjimatan dalam perbelanjaan pengurusan Universiti dengan lebih teliti, cekap, berkesan dan mempunyai *value for money*.





Setiap kumpulan telah dinilai oleh Ketua Panel dan Panel yang terdiri daripada tiga (3) orang juri berpengalaman iaitu wakil-wakil daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Proton Malaysia.

Berikut merupakan pemenang KIK di peringkat Konvensyen KIK kali ke-6:

Kategori Pengurusan



Johan
Kumpulan OMS!FKEKK
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer



Naib Johan
Kumpulan The Fame Game
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan





Tempat Ketiga
Kumpulan Go-SaVE
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Kategori Teknikal



Johan
Kumpulan OMS!FKEKK
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer



Tempat Kedua
Kumpulan PLH Variant
Perpustakaan Laman Hikmah

Saguhati



Kumpulan SmartSoul
Pejabat Pendaftar



Kumpulan Axel
Pejabat Bendahari



Kumpulan Think Big
Pejabat Pendaftar



Persembahan Terbaik



Kategori Pengurusan
Kumpulan The Fame Game
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



Kategori Teknikal
Kumpulan PLH VARIANT
Perpustakaan Laman Hikmah

Berikut merupakan hadiah kepada pemenang:

Johan

RM3,000
Glass Plaque
Sijil

Naib Johan

RM2,000
Glass Plaque
Sijil

Tempat Ketiga

RM1,000
Glass Plaque
Sijil

Persembahan Terbaik

RM500
Glass Plaque
Sijil



Saguhati

RM500
Glass Plaque
Sijil



“

**Tahniah
diucapkan
kepada semua
kumpulan KIK**

”

Kumpulan yang telah berjaya mendapat tempat Johan dan Naib Johan bagi kategori Teknikal dan kategori Pengurusan akan bertanding di Konvensyen Universiti Awam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Universiti Awam Kali Ke-16 yang dianjurkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 20-21 September 2022 secara dalam talian.




Disediakan oleh:
Zulaikha binti Md Radzai

Konvensyen

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Peringkat Universiti Awam Kali Ke-16

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



Sejak daripada tahun 2010, kesinambungan kejayaan KIK di Peringkat UTeM diteruskan dengan penyertaan di Konvensyen Peringkat Universiti Awam (UA) bagi membentangkan projek-projek inovasi yang berimpak tinggi dan mampu melonjak kecemerlangan UTeM.

Sehubungan dengan itu, penyertaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM di Peringkat UA dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam merealisasikan agenda dan aspirasi Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan negara ke arah peningkatan perkhidmatan dan amalan budaya kerja kreatif dan inovatif.



Objektif penyertaan ini adalah menggalakkan dan mempergiatkan usaha Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM dengan memberi pendedahan mengenai aspek produktiviti dan kualiti dalam menghasilkan penyelesaian kreatif dan inovatif di dalam mewujudkan impak ke atas keputusan projek. Selain daripada itu, memberi peluang kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM yang berjaya ke peringkat Universiti Awam untuk mempersembahkan projek-projek dan seterusnya bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dengan Kumpulan Inovatif dan Kreatif dari Universiti Awam lain.

TAHNIAH DAN SYABAS

diucapkan kepada empat (4) Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM yang telah berjaya mendapat **PENARAFAN EMAS** dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali Ke-16 Tahun 2022 yang telah berlangsung pada 20 - 21 September 2022 secara dalam talian anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



Program RETREAT Lembaga Pengarah UTeM

TAHUN 2022



Program *Retreat* Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2022 telah diadakan pada 24 – 26 September 2022 di The Wembley – A St. Giles Hotel, Pulau Pinang.

Program ini melibatkan seramai empat puluh enam (46) orang peserta yang terdiri daripada Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti dan Pengurusan Kanan Universiti.

Pada program ini, peserta telah diberi taklimat ringkas oleh Pengarah, Pusat Pengurusan Strategik, Risiko dan Kualiti mengenai penarafan dan penyelarasan Pelan Strategik Universiti Tahun 2023-2025.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberi ruang dan peluang kepada kedua pihak di antara Lembaga Pengarah Universiti

dan Pengurusan Universiti untuk bertukar pandangan dari pelbagai perspektif terutama dari pihak Lembaga Pengarah Universiti dalam usaha bersama melengkapkan Pelan Strategik Universiti yang dirancang agar mencapai visi dan misi Universiti.



Merentas Benua Program Head Hunting Mengikat Ikatan Ukhwah

Selaras dengan keperluan semasa Universiti dalam meningkatkan bilangan staf akademik berkelayakan PhD khususnya dalam kalangan bukan warganegara, pihak Universiti telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Program *Headhunting* yang telah diadakan di London dan Manchester, United Kingdom bagi mencari dan menarik bakat terbaik dan berkepakaran untuk dilantik di UTeM. Sesi temu duga yang diadakan di **London dan Manchester, UK telah berlangsung dari 16 Julai 2022 hingga 19 Julai 2022**. Di London, sesi temuduga telah dijalankan di Hotel Holiday Inn manakala di Manchester, sesi temuduga telah dijalankan di Hotel Clayton.

Selesai program *Headhunting* pada 17 Julai 2022 yang telah dijalankan di Hotel Holiday Inn London, Naib Canselor UTeM bersama – sama pihak pengurusan telah bertemu dan beramah mesra dengan staf UTeM yang sedang menyambung pengajian peringkat Ijazah Doktor



Falsafah disana. Pertemuan telah dijalankan bertempat di Restoran Masala Zone Soho, London. Pertemuan tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan status terkini status pengajian staf UTeM yang sedang melanjutkan pengajian di London.

Pada perjumpaan tersebut, Naib Canselor berkesempatan memberi motivasi kepada Ahmad Nizamuddin yang sedang menyambung pengajian di Imperial College London dan Wan Sazli Nasaruddin di Universiti Southamptom agar staf

berjaya mendapat PhD pada tempoh masa yang telah ditetapkan. Pertemuan tersebut turut disertai oleh Ketua Pegawai Operasi UTeM, Encik Masdzarif bin Mahat dan Encik Mohd Nizam bin Pavel, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia. Bukan itu sahaja, pada masa yang sama majlis minum petang tersebut turut diserikan dengan kehadiran Puan Sabarina Abdullah dan Puan Junaidah Badar yang sedang menghadiri Persidangan *Public Finance Live 2022* di Liverpool.



Pada 20 Julai 2022 bertempat di Restoran GOSSIP Malaysian & Thai Cuisine, sekali lagi Naib Canselor UTeM bersama – sama pihak pengurusan berkesempatan menyantuni Keluarga UTeM yang sedang cuti belajar dan membuat sabatikal di Manchester. Encik Mohd Khairi sedang menyambung pengajian dan Ts. Dr. Zulkeflee bin Abdullah ditemani isteri Prof. Madya Dr. Mariam sedang menjalani cuti sabatikal di University of Manchester.



Beliau turut meluangkan masa bertanya khabar dan bertukar pendapat. Antara intipati perkongsian adalah berkenaan dengan cabaran yang dialami oleh staf sewaktu menjalani pengajian di luar negara dan di institusi masing-masing khususnya. Kesempatan tersebut turut di ambil oleh Naib Canselor untuk memberikan motivasi agar staf-staf yang sedang melanjutkan pelajaran sentiasa bersemangat dan cuba sedaya upaya untuk menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan (*graduate on time*). Naib Canselor menzahirkan keseronokan melihat Keluarga UTeM meraih kejayaan di bumi asing dan meminta staf terus mengharumkan nama baik negara dan UTeM khususnya di mana sahaja mereka berada.

Perjalanan PhD Pasca Covid - 19

Kisah pengembaraan PhD saya, Dr. Zul Hasrizal bin Bohari dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) bermula selepas tercetusnya pandemik COVID-19 yang melanda dunia yang bermula di Wuhan, China. Kisah hitam COVID-19 yang telah memberi kesan yang mendalam kepada seluruh masyarakat dunia sejak dari tahun 2019 hingga kini termasuklah diri saya yang sedang berjuang menyiapkan PhD ketika tempoh itu.

Pada awal perancangan, saya bercadang untuk menyambung pengajian PhD di Australia setelah menghantar emel kepada bakal Supervisor (SV) dan mendapat maklumbalas positif. Bakal SV saya telah memberikan tajuk dan memperuntukkan tempat makmal di RMIT, Melbourne. Sekarang saya hanya menunggu kelulusan dari Unit Cuti Belajar (UCB) untuk kouta ke luar negara. Walau bagaimanapun, setelah saya lulus ujian IELTS dan lulus Kursus SLAB, malangnya saya mendapat informasi terkini dari UCB yang kouta ke luar negara hanya tinggal satu dan telah diisi oleh staf yang sepatutnya menyambung pengajian pada tahun



sebelumnya. Namun begitu, saya tidak berpatah semangat untuk menyambung pengajian PhD dan terus mencari tempat PhD di Universiti Awam Malaysia.

Dalam proses pencarian SV PhD, saya menghubungi sahabat lama saya, Ts Ir Dr Ahmad Zaidi Abdullah dari utara yang sedang menyambung pengajian PhD. Saya amat beruntung kerana melalui sahabat saya, saya mengenali bakal SV saya, Prof Ir Ts Dr Muzamir Isa. Saya membuat janji temu bersama bakal SV dan berbincang mengenai tajuk PhD terlebih awal (8 bulan awal) dari tarikh pendaftaran PhD saya. Dari pertemuan itu, saya mula mengenali hati budi dan aura keakademian SV saya yang terkenal seantero universiti awam Malaysia terutamanya menjadi rujukan dalam bidang

Voltan Tinggi (HV) dan kerap dijemput menjadi Pemeriksa Luar. Hasil pertemuan dengan SV sahabat saya yang kemudian menjadi SV saya setelah saya rasa terkesan dengan keilmuan dan pengalaman luas SV saya biarpun pada pandangan saya beliau seorang yang masih belia.

Dipendekkan cerita, pada tanggal 9hb September 2019 bermulalah pengembaraan saya sebagai seorang pelajar pascasiswazah PhD. Hari pertama bertemu dengan SV saya di Kampus Induk Pauh, UniMAP saya telah diberi pendedahan tentang pelajar beliau yang sedang berjuang untuk menyiapkan PhD dan ada diantara pelajarnya yang telah menjadi staf yang menyumbang kembali jasa kepada UniMAP.

Adalah menjadi kebanggaan jika anak didik mengikut jejak langkah gurunya menjadi warga pendidik. Pada hari tersebut, saya telah diberi *cubicle* di Bilik Penyelidikan Pascasiswazah di bangunan FTKE, Kampus Pauh. Disitu saya berkenalan dengan sahabat dan rakan makmal saya, Dr. Ayob Nazmy yang telah banyak membantu saya semasa pengajian saya. Sementelahan, Dr Ayob banyak memberi dorongan dan nasihat untuk melancarkan proses PhD saya selain rakan seperjuangan untuk sama-sama menyempurnakan pengajian PhD.

Dirasakan ketika perjalanan PhD saya seperti mudah dan indah, sekali lagi Allah SWT menguji seluruh keluarga saya setelah sebulan berkelana di Bumi Indera Kayangan. Saya mendapat perkhabaran buruk tentang anak dalam kandungan isteri saya yang pada ketika itu kandungan berumur 6 bulan. Anak dikandung isteri saya meninggal dalam kandungan dan ini membantutkan proses PhD saya. Saya memohon untuk bercuti sementara kepada SV dari datang ke makmal memandangkan perlu menguruskan isteri yang perlu melahirkan anak yang sudah meninggal dalam kandungan serta menguruskan anak-anak saya yang lain yang sedang bersekolah pada ketika itu. Alhamdulillah, SV saya sangat-sangat memahami

dan memberi saya tempoh bertenang sehingga segala urusan selesai.

Setelah segala urusan perkebumian anak syurga saya dan isteri saya telah kembali sihat dan pulang ke rumah sewa saya di Kangar, barulah saya menyambung penyelidikan saya di makmal UniMAP.

Meskipun perjalanan onak duri ini bukanlah apa yang saya impikan tetapi saya yakin bahawa ujian inilah yang telah menjadikan saya seorang yang lebih matang, tabah dan sabar dalam melalui pengembaraan PhD saya. Saya teringat **Firman Allah SWT dalam Surah Insyirah ayat 5 hingga 6 yang maksudnya: "Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan."**

Fasa mencabar COVID-19 bermula pada Mac 2020 pada semester ke-2 PhD saya. Belum sempat saya melaksanakan *proposal defense* tiba-tiba kerajaan Malaysia pada ketika itu mengumumkan PKP untuk mengekang penularan COVID-19 yang telah menyebabkan penyelidikan saya terhenti dan saya harus kekal berada di rumah. Memandangkan hasil dapatan PhD saya melibatkan



penghasilan *sensor PD* yang baru berasas *microstrip*, saya harus masuk ke makmal untuk menjalankan simulasi sebelum mendapat *final design sensor*. Untuk tidak membuang masa ketika PKP pertama, saya banyak memperuntukkan masa untuk membaca jurnal dan makalah selain meluangkan masa bersama keluarga untuk menghilangkan bosan kerana sentiasa perlu berada di rumah semasa pandemik melanda.



Setelah tamat PKP pertama, saya bingkas menyiapkan proposal PhD saya untuk menghadapi *proposal defense* yang tertangguh akibat PKP. Bersyukur ke hadrat Illahi, proses *proposal defense* pada bulan pertengahan Julai 2020 berjalan dengan lancar dan hampir semua pemeriksa berpuashati dengan dapatan awal dan proposal PhD yang saya bentangkan.

Setelah PKP pertama, tempoh PhD saya juga terkesan oleh PKP kedua dan ketiga. Ramai dikalangan sahabat saya yang sedang menuntut di Universiti di Lembah Klang mengeluh dan bersedih kerana penyelidikan PhD terbantut akibat PKP yang ketat dan berterusan kerana kes yang kian meruncing hari demi hari. Saya bersyukur kerana negeri Perlis tergolong di kalangan negeri yang kurang kes COVID-19, makanya dengan kelonggaran pergerakan itu saya dapat menyempurnakan PhD saya dengan lebih cepat

selain bantuan dari SV, Co-SV dan rakan makmal yang membantu mempercepatkan proses penyiapan PhD saya. Setelah berjuang selama 25 bulan, akhirnya saya telah membentangkan dapatan kepada SV dan beliau gembira untuk memberitahu yang dapatan-dapatan tersebut telah mencukupi untuk saya mendapat PhD. Seterusnya, setelah dua bulan menanti maklumbalas daripada pemeriksa dalaman dan luar saya telah menjalani proses *Viva Voce* pada tanggal 12 Januari 2022, dan telah diumumkan lulus PhD saya dengan *minor correction*. Segala jerih dan penat lelah serta pengorbanan isteri dan anak-anak terbayar dengan kejayaan ini. Alhamdulillah Ala Kullihal.

Akhir kata, saya mendoakan sahabat-sahabat yang membaca coretan kerdil saya ini dipermudahkan Allah SWT proses pengajian PhD dan mencapai kejayaan, InsyaAllah.



Disediakan oleh:
Dr. Zul Hasrizal bin Bohari

PROSES PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF UTeM BAGI TAHUN 2022

PEGAWAI YANG DILANTIK ADALAH LAYAK DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN APABILA TELAH :

Memenuhi tempoh percubaan. Berdasarkan Peraturan 28 (1) Peraturan-peraturan Pegawai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2015 tempoh percubaan adalah satu (1) hingga tiga (3) tahun

01

Hadir dengan jayanya **Kursus Induksi/ Program Transformasi Minda (PTM)**



02

Lulus **peperiksaan perkhidmatan** yang ditetapkan (mengikut skim perkhidmatan jawatan)



03

Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan



04

Staf Pentadbiran

Staf Akademik

UTeM Terbilang

Penganjur : Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar
Pegawai : Encik Mohd Nizam bin Mazlan (062702787)
: Puan Nooraziana binti Dahalan (062701926)

Tarikh Program (Terkini) : 20 - 26 Jun 2022

Program Transformasi Minda (PTM)

Penganjur : Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar
Pegawai : Encik Mohd Nizam bin Mazlan (062702787)
: Puan Nooraziana binti Dahalan (062701926)

Tarikh Program (Terkini) : 19 - 23 September 2022

Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTeM (PPSU)

Penganjur : Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar
Pegawai : Puan Laila Zahidah binti A. Rahman (062701922)
: Encik Mohamad Aszeri bin Ramli (062701935)

Tarikh Program (Terkini) : 26 - 27 Julai 2022

Kursus Asas Pengajaran (KAP)

Penganjur : Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Pegawai : Puan Noraini binti Buang (062704513)
: Puan Mariana binti Jelani (062704515)

Tarikh Program (Terkini) : 27 - 30 Jun 2022;
1 Julai 2022; dan
4 - 5 Julai 2022

Diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) (Kecuali KAP)

Diperakukan oleh Panel Pengesahan Perkhidmatan Peringkat PTJ

Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Bagi Tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf

Penganjur : Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar
Pegawai : Puan Laila Zahidah binti A. Rahman (062701922)
: Encik Ahmad Fitri bin Abu Bakar (062701946)

SYARAT LAIN YANG DITENTUKAN OLEH UNIVERSITI

Lulus **Kursus Asas Pengajaran (KAP)** anjuran Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES)

01

Lulus **Pengisytiharan Harta** daripada Jawatankuasa Tatatertib UTeM

02

Bebas kes **Tatatertib** daripada Pejabat Penasihat undang-undang UTeM

03

Bebas **Tapisan Keutuhan** daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

04

Bebas **Tapisan Keselamatan** daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)

05

Mencapai markah **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT)** mengikut markah purata Universiti bagi tahun semasa dan mencapai tahap kecemerlangan kerja yang tinggi bagi pengesahan tahun pertama dan memperoleh penilaian prestasi pada kedudukan yang baik untuk disahkan dalam perkhidmatan bagi tahun kedua perkhidmatan dan ke atas

06

Rekod kehadiran tahunan mencapai tahap baik

07

Sumber:

Unit Pengurusan Sistem Maklumat & Pengesahan Staf
Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar



PEMBERIAN AWAL AWARD

Wang Tunai

GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

Pekeliling Pentadbiran Bil.29 Tahun 2022 (Pelaksanaan Award Wang Tunai Gantikan Cuti Rehat Di UTeM)

Kerajaan dan Universiti telah bersetuju akan:



Kenaikan maksimum GCR daripada 150 hari kepada 160 hari

Pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 80 hari

Staf yang memilih Skim Pencen/Skim KWSP layak memohon dengan SYARAT:



PENGIRAAN

1/30 X Gaji Semasa X 80 hari
Diterima

PERINGATAN

Pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 80 hari boleh dibuat **sekali sahaja sepanjang perkhidmatan staf**

Pemberian awal award wang tunai GCR yang diterima **tertakluk kepada cukai pendapatan bagi pendapatan tahun semasa di bawah Akta Cukai Pendapatan**

PEMBAYARAN

Akan dibayar dalam **tempoh 3 bulan** dari tarikh permohonan yang lengkap diterima oleh Pejabat Pendaftar

01

Tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 15 tahun

02

Telah mencapai umur 45 tahun semasa permohonan dibuat

03

Jumlah terkumpul GCR sekurang-kurangnya 80 hari

04

Bebas daripada prosiding jenayah atau tindakan tatatertib

05

Mendapat sokongan Ketua Pusat Tanggungjawab

HUBUNGI



60-62701940/
1941/
1950

Unit Saraan dan Cuti
Bahagian Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar

Sila rujuk Pekeliling Pentadbiran Bil. 29/2022 di laman sesawang Pejabat Pendaftar

Sumber:
Unit Saraan dan Cuti, Bahagian Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar





TATACARA PERMOHONAN KURSUS/LATIHAN ANJURAN LUAR (Bersemuka/Dalam Talian) Penyertaan Kursus Staf (Secara Permohonan)



TATACARA PERMOHONAN KURSUS/LATIHAN ANJURAN LUAR (Bersemuka/Dalam Talian) Penyertaan Kursus Staf (Secara Terus)



Sumber:
Unit Latihan & Penjanaan, Bahagian Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftaran



TATACARA PERMOHONAN KURSUS/LATIHAN ANJURAN DALAM (Bersemuka/Dalam Talian) Penyertaan Kursus Staf (Secara Permohonan)



01

Staf memohon kursus melalui modul latihan di SMSM



02

Sokongan oleh Pegawai Penilai Pertama



03

Pengesahan oleh Penyelaras Latihan PTj



04

Kelulusan oleh Unit Latihan & Penjaan



05

Jemputan kursus melalui e-Kalendar



06

Staf menghadiri kursus



07

Staf perlu menjawab:
- Ujian Kefahaman Kursus (sebelum & selepas)
- Penilaian Kursus dalam SMSM



08

Pemberian Mata CPD oleh Unit Latihan & Penjaan



TATACARA PERMOHONAN KURSUS/LATIHAN ANJURAN DALAM (Bersemuka/Dalam Talian) Penyertaan Kursus Staf (Secara Terus)

01



Hebahan kursus melalui Info UTeM

02



Staf menghadiri kursus

03



Staf perlu menjawab:
- Ujian Kefahaman Kursus (sebelum & selepas)
- Penilaian Kursus dalam SMSM

04



Pemberian Mata CPD oleh Unit Latihan & Penjaan

Sumber:
Unit Latihan & Penjaan, Bahagian Pembangunan Bakat
Pejabat Pendaftar



KEUTAMAAN Memberi Salam

DAN ADAB-ADABNYA

Ucapan salam merupakan salah satu daripada syiar Islam yang besar nilainya di sisi Allah dan Rasul-Nya.

Lafaz "Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh" memiliki nilai yang jauh lebih tinggi berbanding ucapan biasa seperti "selamat pagi", "selamat petang", "hello", "good morning", "good afternoon" dan yang seumpamanya.

Keistimewaannya terletak pada maksud ucapan salam yang berisi doa agar keselamatan, rahmat Allah dan barakah-Nya diberikan kepada orang yang diberikan salam.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda: "Hak seorang Muslim ke atas Muslim yang lain ada enam.

Maka ditanyakan kepada baginda: 'Apakah hak-hak itu wahai Rasulullah?' Maka baginda menjawab: 'Jika kamu bertemu dengannya hendaklah memberi salam kepadanya, jika dia mengundangmu maka penuhilah, jika dia meminta nasihat maka berilah dia nasihat, jika dia bersin lalu mengucapkan 'Alhamdulillah' maka doakanlah dia, jika dia sakit maka jenguklah dia dan

jika dia meninggal maka iringilah jenazahnya".
[Riwayat Ahmad]

Daripada Abdullah bin Amr radiallahuanhuma bahawa ada seseorang bertanya kepada Rasulullah Sallallahualaihiwasallam: "Islam manakah yang paling baik?". Nabi Sallallahualaihiwasallam menjawab: "Kamu memberi makan dan mengucapkan salam kepada orang yang kamu kenal dan kepada orang yang kamu tidak kenal".
[Riwayat al-Bukhari]

Lafaz Salam

1 Ucapan salam kepada sesama Muslim

Ucapan salam yang paling sempurna dan sangat dianjurkan untuk diucapkan adalah: "Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh" (Salam sejahtera ke atas kalian, demikian pula rahmat Allah dan barakah-Nya).

Seorang lelaki datang kepada Nabi Sallallahualaihiwasallam dan mengucapkan: "Assalamualaikum", Nabi bersabda: "Sepuluh". Kemudian datang lelaki lain dan mengucapkan: "Assalamualaikum Warahmatullah", Nabi bersabda: "Dua puluh". Setelah itu datanglah lelaki yang ketiga dan mengucapkan: "Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh", Nabi bersabda: "Tiga puluh".
[Riwayat Abu Daud]

2 Ucapan salam kepada penghuni kubur



Disyariatkan memberi salam kepada para penghuni kubur ketika masuk ke tanah perkuburan Islam.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, dia berkata: "Rasulullah

Sallallahualaihiwasallam keluar menuju kawasan perkuburan lalu baginda memberi salam kepada para penghuninya seraya bersabda: 'Assalamualaikum Dara Qaumin Mu'minin, Wa-inna Insyah-Allahu Bikum Lahiqun (Keselamatan atas kalian, wahai penghuni rumah daripada kaum yang beriman. Sesungguhnya insyiah-Allah kami akan menyusul kalian)".

[Riwayat Muslim]

Aturan Siapa Yang Seharusnya Lebih Dahulu Memberi Salam

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda: "Hendaklah yang menaiki kenderaan memberi salam kepada yang berjalan kaki, yang berjalan kaki

memberi salam kepada yang duduk, kumpulan yang sedikit memberi salam kepada yang banyak." Ibnu Muthanna menambah lagi dalam hadisnya: "Hendaklah yang muda memberi salam kepada yang lebih tua" [Riwayat at-Tirmidzi]

Berdasarkan hadis ini, maka orang yang seharusnya terlebih dahulu memberi salam adalah:

1 Orang yang berkenderaan memberi salam kepada pejalan kaki

Orang yang berkenderaan adalah lebih utama untuk terlebih dahulu mengucapkan salam kepada para pejalan kaki ditemuinya. Sudah tentu ia hanya dapat dilakukan sekiranya kenderaan yang dinaiki memungkinkan kita untuk mengucapkan salam. Apabila menaiki kenderaan yang tertutup dan bergerak laju, tidak mengapa sekiranya kita tidak mengucapkan salam kepada pejalan kaki.

2 Pejalan kaki memberi salam kepada orang yang duduk

Seterusnya orang yang sedang berjalan kaki adalah lebih utama untuk terlebih dahulu memberi salam kepada mereka yang duduk diam di tempatnya. Bagi pejalan kaki, sudah tentu tiada halangan untuk mengucapkan salam kepada

orang yang ditemuinya, baik dalam keadaan sedang duduk atau berdiri.

3 Kumpulan yang sedikit memberi salam kepada kumpulan yang lebih ramai

Apabila bertemu dua kumpulan orang, maka hendaklah mereka yang sedikit anggotanya mendahului dalam memberi salam kepada yang lebih ramai. Orang yang bersendirian juga termasuk dalam maksud kumpulan yang sedikit. Cukuplah salah seorang sahaja daripada mereka yang memberi atau menjawab salam.

4 Orang muda memberi salam kepada orang yang lebih tua



Hendaklah anak muda mendahului dalam mengucapkan salam sebagai tanda penghormatan kepada orang yang lebih tua. Ketika bertemu datuk, nenek, ibu bapa, ibu saudara, bapa saudara, guru, abang, kakak dan orang-orang yang usianya lebih tua daripada kita, maka kita yang lebih mudah sepatutnya terlebih dahulu memberi salam kepada mereka.

Menjawab Salam

1 Hukum menjawab salam adalah wajib

Menjawab salam adalah wajib bagi orang yang diberikan ucapan salam. Mendapat balasan daripada salam adalah hak bagi orang yang telah memberi salam.

Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam bersabda: "Hak seorang Muslim ke atas Muslim yang lain ada lima iaitu menjawab salam, menjenguk yang sakit, mengiringi jenazah, memenuhi undangan dan mendoakan yang bersin". [Riwayat al-Bukhari]

Kewajipan menjawab salam ini memberi jaminan pemberi salam akan mendapat ucapan doa yang setimpal dengan apa yang telah dia doakan buat saudaranya.

Apabila terdapat satu kumpulan orang, maka cukup salah seorang sahaja daripada mereka memberi atau menjawab salam bagi mewakili keseluruhan kumpulan. Ini berdasarkan sabda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam: "Cukuplah salah seorang daripada kumpulan yang lalu memberikan salam dan salah seorang daripada orang-orang yang duduk menjawabnya". [Riwayat Abu Daud]

2 Dianjurkan menjawab salam dengan lafaz yang lebih baik

Menjawab salam dengan lafaz yang lebih baik atau sekurang-kurangnya dengan lafaz yang sama berdasarkan firman Allah Taala: "Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama)." [Surah an-Nisa': 86]

Larangan Menjawab Salam Dalam Keadaan Tertentu

1 Ketika melaksanakan solat



Daripada Abdullah Radiallahuanhu, beliau berkata: "Kami memberi salam kepada Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam ketika baginda sedang solat, lalu baginda menjawab salam kami. Tetapi tatkala kami kembali daripada Raja Najasyi, kami memberi salam pula kepada baginda ketika

baginda sedang solat. Baginda tidak menjawab salam kami. Lalu kami bertanya kepada baginda, "Dahulu kami memberi salam kepada anda ketika anda sedang solat, anda menjawab salam kami. Tetapi sekarang kenapa tidak?" Jawab baginda, "Sesungguhnya dalam solat harus ada suatu kesibukan yang sungguh-sungguh (khusyuk)". [Riwayat Muslim]

2 Ketika berada di dalam tandas

Daripada al-Muhajir bin Qunfudz Radiallahuanhu, beliau berkata: "Aku datang kepada Nabi Sallallahu alaihi wasallam ketika baginda sedang buang air kecil, lalu aku mengucapkan salam kepadanya namun baginda tidak menjawabnya sehinggalah baginda berwudhu', kemudian baginda meminta maaf kepadaku dan bersabda: 'Sesungguhnya aku tidak suka berzikir kepada Allah Taala kecuali dalam keadaan suci.'" [Riwayat an-Nasa'i]

Dalam hadis lain, Ibnu Umar Radiallahuanhuma berkata: "Ada seseorang melewati Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam ketika baginda sedang buang air kecil. Kemudian orang itu mengucapkan salam, namun baginda tidak menjawabnya." [Riwayat Muslim]

